




الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*EDISI 1
OKTOBER 2024*



PROGRAM DEMO DEBAT 2024

Naz Asyraf Mohammad Nazarul, Noor Insyiraah Mohd Imran & Nazratul Nisa Eshak



Program perdebatan yang penuh semangat ini telah berlangsung di Dewan Kuliah Toh Puan Sungai Ujong 1 (DK TPSU1) pada hari Selasa, 21 Mei 2024, dengan jayanya di bawah penganjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Zon Selatan. Program ini dikenali sebagai Demo Debat dan telah menarik minat seramai 304 peserta dari kalangan pelajar yang bersemangat untuk menunjukkan bakat serta kemahiran mereka dalam arena perdebatan dan seramai 22 orang ahli jawatankuasa program.

Program ini dijalankan dengan objektif utama untuk memberi pencerahan kepada mahasiswa berkenaan



ilmu debat. Program ini dapat membuka minda mahasiswa untuk melontarkan idea



serta cara pemikiran yang lebih kritis. Selain itu, ia juga dapat membantu mahasiswa di dalam sifat kepimpinan

dan mengasah kemahiran bercakap.

Program dimulakan dengan bacaan doa, ucapan aluan dan pengenalan ringkas program Demo Debat ini. Pada jam 8.30 p.m – 9.50 p.m sesi perdebatan utama bermula, di mana dua kumpulan pelajar berdebat mengenai topik yang telah ditetapkan yang merupakan acara kemuncak. Setelah tamat sesi perdebatan, panel



hakim memberikan ulasan serta maklum balas mengenai prestasi peserta.



Setelah itu pada jam 10.00 p.m – 10.10 p.m, sesi penyampaian hadiah diadakan bagi memberi penghargaan kepada peserta debat, telah disampaikan oleh Dr Mohamad Firdaus Bin Ahmad. Program ini diakhiri dengan sesi bergambar bersama tetamu VIP, peserta dan penganjur sebagai kenangan. Hadiah yang diberikan merupakan sebahagian daripada bajet kewangan. Sejumlah RM372.00 telah

diperuntukkan untuk program ini, yang mana bajet ini turut merangkumi perbelanjaan makan dan minum serta bahan-bahan peralatan yang diperlukan sepanjang program berlangsung.

Secara keseluruhannya, Demo Debat berjaya mencapai objektifnya dengan cemerlang. Program ini bukan sahaja menyediakan platform untuk pendedahan berkaitan perdebatan. Dengan penyertaan yang aktif dan penuh semangat daripada para peserta, program ini telah membuktikan bahawa perdebatan merupakan sebuah program yang berimpak di dalam kalangan mahasiswa UiTM.



Dalam penutupannya, penganjur program mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, terutama sekali kepada pendebat dan ahli jawatankuasa yang telah menunjukkan dedikasi mereka. Diharapkan program seperti ini akan terus diadakan pada masa hadapan untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk terlibat dan mendapat manfaat daripada aktiviti yang mencabar minda seperti ini.